

Kerajaan negeri, PBT bertanggungjawab tangani masalah banjir

KUALA LUMPUR 23 Okt. - Selain Kerajaan Pusat, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) turut mempunyai tanggungjawab besar dalam mengatasi masalah banjir termasuk di kawasan bandar.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Joseph Kurup (**gambar**) berkata, peranan PBT amat penting dalam mengenal pasti kawasan serta parit dan longkang berisiko tinggi untuk banjir agar penyelenggaraan dapat dilakukan.



Katanya, biarpun Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan pelbagai projek tebatan banjir, kerjasama daripada kedua-dua pihak berkenaan amat diperlukan untuk mengatasi masalah banjir di negara ini.

"Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan sembilan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Lembah Klang melibatkan peruntukan sebanyak RM427.7 juta.

"Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), sebanyak RM64.58 juta telah diluluskan untuk projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Damansara dan daripada jumlah itu, RM28 juta telah diluluskan di dalam 'rolling plan' pertama 2011-2012.

"Selain itu, pihak JPS juga menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sungai secara berkala yang dilaksanakan tiga kali setahun bagi memastikan kelancaran pengaliran sungai seterusnya dapat mengurangkan risiko banjir," katanya dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan **Dr.**

Che Rosli Che Mat (Pas-Hulu Langat) yang bertanya status tebatan banjir yang telah dilaksanakan sejak 2008 hingga kini yang belum dapat mengatasi masalah banjir di Lembah Klang.

Menurut Joseph, selain akibat limpahan sungai, banjir juga boleh berlaku kerana ketidakupayaan sistem saliran sedia ada dan penyelenggaraan yang tidak mengikut jadual.

"Kejadian banjir kilat baru-baru ini adalah di luar jangkaan dan berpunca daripada hujan lebat yang luar biasa. Kejadian ekstrem itu juga dikaitkan dengan kesan fenomena perubahan iklim," katanya.